



## **TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**

**YBHG. DATO' HAJI ROSLI BIN ISA  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN  
IKLIM (NRECC)**

**SEMPENA**

**NRECC TALK: HOW TO SUSTAIN GOOD GOVERNANCE WITHIN US**

**TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)  
MASA : 9.30 – 11.30 PAGI  
TEMPAT : DEWAN BAIDURI,  
WISMA SUMBER ASLI**

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Perpaduan dan Salam MALAYSIA MADANI.

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Utama Zainal Rahim bin Seman,  
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA)

Yang Berusaha Encik Abdul Wahid bin Abu Salim  
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)

Yang Berusaha Dr. Ching Thoo A/L Kim  
Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembentungan)

Yang Berbahagia Dato' Mohd Rodzwan bin Mohd Baba Sakri  
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)

Para hadirin yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah marilah sama-sama kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam Program *NRECC Talk: How To Sustain Good Governance Within Us*. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan mengaluakan kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Utama Zainal Rahim bin Seman, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) ke Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) di atas penganjuran program berkenaan *Good Governance* yang sering berkait rapat dengan tugas harian di dalam mahupun di luar pejabat yang penting untuk kita fahami dan hayati selaku penjawat awam dan warga NRECC.

## **PENDAHULUAN**

2. Penyampaian perkhidmatan yang saksama serta berkualiti secara cekap dan berkesan adalah penting diusahakan bersama oleh warga NRECC. Ia selari dengan nukilan daripada Pearl Zhu dalam bukunya yang berjudul *Digital Master* yang diterbitkan pada tahun 2014 ada menyatakan "*Good governance is less about structure and rules than being focused,*

*effective and accountable*". Tadbir urus yang baik kurang berkait dengan struktur dan peraturan berbanding fokus, berkesan dan akauntabiliti.

3. Tadbir urus yang dilaksanakan oleh warga NRECC dipandu melalui peraturan dan prosedur yang digubal dengan mengambil nasihat pemegang taruh (*stakeholder*). Meskipun, amalan tadbir urus ini sentiasa ditambah baik sepanjang masa, ruang dan peluang untuk diambil kesempatan tetap wujud sehingga berlakunya kes rasuah. Dalam hal ini, nilai dan prinsip integriti, bertanggungjawab, ekuiti dan inklusiviti seharusnya diterap pada semua peringkat Bahagian/Jabatan/Agensi. Di samping itu, usaha untuk memupuk nilai murni dan amalan kerja beretika perlu diutuhkan bagi memastikan ketelusan dan mendukung integriti agar gejala rasuah tidak tercetus.

## **MENERAPKAN PRINSIP MALAYSIA MADANI**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

4. Saya ingin memetik intipati ucapan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa sesi penyampaian amanat Membangun Malaysia MADANI pada 19 Januari 2023 ada menyebut berkenaan pencapaian agensi diukur melalui tadbir urus yang cekap mengambil kira aspek kepimpinan, pematuhan, inklusif, responsif, integriti dan ketelusan serta prestasi sektor awam yang dinamik, berkesan dan berpaksikan rakyat.

5. Agenda Malaysia MADANI perlu dizahirkan pelaksanaannya melalui mekanisme pentadbiran di Kementerian ini. Salah satu daripada empat (4)

Teras Strategik Malaysia Madani memfokuskan kepada **Mewujudkan Pentadbiran Beramanah** menerusi islah dan pembaharuan bagi mewujudkan sistem yang adil dan saksama. Dalam hal ini, prinsip musyawarah dan demokrasi harus digembur dan disuburkan dengan tata kelola baik, adil dan saksama. Usaha memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan awam dapat dicapai sekiranya warga NRECC terus meningkatkan ketelusan dan integriti yang menyeluruh dalam sistem dan tatacara kerja.

6. Dalam dunia yang serba dinamik, penjawat awam tidak terlepas dari menghadapi cabaran dan penuh ketidakpastian. Usaha untuk memaju dan membangunkan negara ditambah dengan situasi semasa memerlukan kejituan semangat serta pegangan kukuh kepada ikrar profesionalisme perkhidmatan awam demi menjamin penyampaian perkhidmatan terbaik. Langkah ini penting bagi memastikan setiap kakitangan kerajaan betul-betul bersedia berhadapan dengan cabaran dan ketidakpastian yang mendatang agar tidak terjejas penyampaian perkhidmatan awam. Kerana itu di dalam kita memberikan perkhidmatan kepada rakyat, kita hendaklah pastikan sentiasa ada penambahbaikan sama ada dari segi sistem, peraturan, proses kerja, serta penghasilannya agar ia benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.

## **KONSEP MASLAHAH DALAM TADBIR URUS SYARIAH**

7. Dari sudut perspektif Islam, pemeliharaan *Maslahah* dan tadbir urus berkait rapat bagi memberi manfaat kepada rakyat. *Maslahah* seperti yang disebutkan oleh Imam al-Ghazali Rahimahullah adalah: "Mendatangkan

manfaat dan menghalang kemudharatan”. *Maslahah* bertujuan menjaga kebajikan dan kepentingan hak ummah dan alam seluruhnya yang berfungsi menghindar kecelakaan dan kemudaratan.

8. Justeru itu, sebarang bentuk perkara yang memberikan kebaikan dan manfaat kepada manusia serta dalam masa yang sama ia menghalang keburukan dan kemudaratan ke atas diri mereka, adalah dianggap sebagai Maslahah. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

**“Janganlah kamu memudaratkan dan membalas kemudaratan.”**

**(Hadis Riwayat Ibu Abbas, Sunan Ibn Majah no. 2341)**

## **PENUTUP**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

9. Saya menyeru semua warga NRECC terus proaktif bersama memperbaiki dan mengukuhkan sistem tadbir urus yang baik dalam tatacara dan prosedur kerja agar imej dan prestasi Kementerian ini di tahap yang *outstanding*. Marilah kita bekerjasama erat untuk memastikan tahap penyampaian perkhidmatan di NRECC ini bukan sahaja ditahap baik tetapi lebih cemerlang dan dapat dirasai hasil manfaatnya oleh orang ramai. Berkat usaha bersama, InshaAllah kita dapat memberi manfaat bukan sahaja pada manusia tetapi alam kita dan seterusnya kepada generasi yang akan datang.

10. Akhir sekali, saya berharap para hadirin sekalian yang hadir ke Program *NRECC Talk: How To Sustain Good Governance Within Us* dapat memanfaatkan dan menghayati perkongsian yang akan disampaikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Utama Zainal Rahim bin Seman, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) agar dapat membentuk nilai murni dan amalan kerja beretika sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Bunga berkembang di waktu petang,  
Kumbang berlalu singgah di dahan,  
Terima kasih Tan Sri yang sudi dating;  
Ilmu dicurah kami manfaatkan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)**

**Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)**